



## ISLAM DAN PEMBENTUKAN JATI DIRI BANGSA MELAYU (Islam and the Formation of Malay Ethnic Identity)

AHMAD MUNAWAR ISMAIL\*; ZAKARIA STAPA; SITI AISHAH  
SUHAIMI

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

---

### ABSTRAK

*Islam terdiri daripada tiga perkara asas, iaitu akidah, syariah dan akhlak. Ketiga-tiga asas ini telah melatari sejarah dan perkembangan Islam khususnya dalam pembentukan nilai-nilai murni dalam tingkah laku umat Islam. Ia juga telah mencorak seluruh kehidupan umat Islam dan memberi sumbangan yang sangat signifikan terhadap perkembangan tamadun manusia secara keseluruhan. Di Malaysia, asas-asas yang menjadi tunggak ajaran Islam itu berjalan serentak dengan pembentukan budaya dan cara hidup masyarakat Melayu. Hubungan ini diakui oleh pengkaji-pengkaji sosial yang mengkaji amalan dan nilai-nilai dalam cara hidup masyarakat Melayu. Artikel ini akan membahaskan hubungan Islam dengan pembentukan jati diri bangsa Melayu melalui pendekatan naratif hasil analisa daripada dokumen-dokumen sejarah dan dapatan-dapatan penyelidikan semasa. Hasil dapatan kajian menunjukkan, wujud hubungan yang signifikan antara Islam dan jati diri masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun nilai-nilai Islam yang wujud boleh terhakis kesan daripada cabaran-cabaran semasa sekiranya usaha-usaha memeliharanya tidak dilaksanakan secara konsisten dan bersungguh-sungguh.*

**Kata Kunci:** *Islam, Melayu, jati diri, pendidikan Islam, akhlak*

### ABSTRACT

*Islam consists of three basics which are aqidah, syariah and akhlaq. These three basics have carved the history and development of Islam specifically in developing positive traits and values of Muslims. They have shaped the entire lifestyle of Muslims and contributed significantly towards the expansion of human civilization as a whole. In Malaysia, the basics which have become the*

---

\*Corresponding author: Email: munawar@ukm.my

*pillars of Islamic teachings/education walk hand in hand with the formation of culture and the Malay's way of life; and such connection is acknowledged by sociologists. This article challenges the connection between Islam, and the formation of the Malay identity through narrative approach via a thorough analysis of the documented history as well as recent research findings. Research shows that a significant relationship exists between Islam and the Malay identity; however current challenges may erode the Islamic values adhered by Muslim if one does not put conscious and consistent efforts towards preserving them.*

**Keywords:** *Islam, Malay, identity, Islamic teaching/education, akhlaq*

## PENDAHULUAN

Perbincangan mengenai Islam di Malaysia ternyata menarik minat para pengkaji daripada pelbagai bidang seperti sains politik, sosio-budaya, Melayu Muslim, ekonomi mahupun isu-isu kenegaraan (Jaffary 2009; Zainal 2005). Kecenderungan para pengkaji ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Malaysia adalah dinamik dan memiliki satu keistimewaan yang tersendiri. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa setiap aspek perbincangan yang berkait dengan Melayu dan elemen Islam sentiasa mendapat perhatian dan pertimbangan yang kuat. Justeru itu, Melayu dan Islam merupakan dua perkara sinonim, yang tidak dapat dipisahkan dalam konteks Malaysia.

Di Malaysia, Islam dan etnik Melayu mempunyai hubungan yang erat. Ini diakui oleh kebanyakan sarjana yang mengkaji pengamalan dan penghayatan nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat Melayu Malaysia. Keunikan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa tidak menjejaskan pemerkasaan nilai-nilai Islam dalam semua bidang kehidupan khususnya terhadap umat Islam. Terdapat pengkaji sosial yang mendakwa bahawa proses pemerkasaan Islam dalam kalangan masyarakat Melayu bukan sahaja berlaku semenjak kemerdekaan 1957 malah lebih awal daripada itu, iaitu apabila Islam mula bertapak di Tanah Melayu (Rahimin Affandi 2005). Justeru, memperkasa nilai-nilai Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu merupakan agenda yang berterusan. Semenjak sebelum merdeka hingga sekarang Islam menjadi topik perbincangan utama dalam kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Malaysia perkara 160, terdapat tiga ciri utama bangsa Melayu iaitu; beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu (Muhammad Fauzi 2011) Gabungan ketiga-tiga unsur ini membentuk identiti yang unggul dan ampuh sekaligus melatari pembentukan jati diri Melayu semenjak dulu hingga kini. Oleh kerana itu, jati diri yang bertunjangkan Islam ini mesti dipertahankan, dipelihara dan diteladani.

## ISLAM DALAM PEMBENTUKAN JATI DIRI MELAYU

Sejarah menyatakan bahawa sebelum kedatangan penjajah Barat, masyarakat alam Melayu telah mempunyai tamadun dan intelektual yang tinggi dan cemerlang (Zainal 2005). Namun begitu, tahap kecemerlangan dan ketinggian ini sebelum kedatangan Islam tidak mempunyai asas perpaduan dan jati diri yang dapat membezakannya dengan rumpun bangsa yang lain. Kemudian, setelah kedatangan Islam ke rantau ini, rumpun Melayu telah menemui asas jati diri yang sebenar iaitu agama Islam yang kekal sehingga kini.

Malah, penetapan asas jati diri Islam ini telah diakui dalam kalangan akademia yang membahagikan ras bangsa masyarakat dunia kepada lima jenis; *Caucasian* (kulit putih), *Negroid* (kulit hitam), *Mangolian* (kulit kuning), *Red Indian* (kulit merah), dan *Melayu Polynesia* (kulit sawo matang). Dalam kerangka pembahagian ini, ras Melayu telah digunakan dengan merujuk kepada tiga elemen utama, iaitu pertama, beragama Islam, kedua, mendiami kawasan Nusantara, dan ketiganya, mengamalkan sosio-budaya dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utamanya (Muhammad Yusoff 1992).

Punca utama yang menyebabkan masyarakat Melayu memilih Islam sebagai asas jati diri kemelayuan telah dilihat oleh kebanyakan sarjana moden antara lainnya adalah kerana kesucian dan kesempurnaan ajaran Islam itu sendiri yang boleh dijelaskan dengan beberapa penerangan (Rahimin Affandi 2005: 20-21):

1. Ajaran Islam amat bersesuaian dengan psikologi dan mentaliti masyarakat Melayu yang mengamalkan cara hidup yang lemah lembut dan bersifat universal (menghormati keharmonian alam).
2. Sifat ajaran Islam yang mudah difahami, rasional dan sesuai dengan fitrah manusiawi berbanding dengan agama lain.
3. Cakupan agama Islam tidak bersifat perkauman yang terhad kepada sesuatu bangsa semata-mata, tetapi merangkumi kesemua ras manusia sedunia yang dibina di atas asas persaudaraan (ukhuwah). Asas persaudaraan ini juga tidak menerima segala bentuk pembahagian kasta manusia yang mengakui semua manusia adalah sama martabatnya di sisi Allah.

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), Islamlah yang telah memperkenalkan dunia Melayu kepada budaya ilmu dan pemikiran rasional yang menolak fahaman tahyul dan mitos. Islam jugalah yang memperkenalkan dunia Melayu kepada dunia luar, baik Timur mahupun Barat, sehingga memungkinkan

bangsa Melayu mengadun, menempa dan membina sebuah kesultanan yang cukup masyhur dalam sejarah. Islamlah juga yang telah menyempurnakan fahaman keperibadian sendiri, mengemaskinkan Faham Kebangsaan Melayu dan menjadi faktor pemersatu (*the unifying force*) orang-orang Melayu di rantau ini.

Tidak dapat dinafikan bahawa faktor utama yang menyumbang kepada peneguhan jati diri dalam kalangan masyarakat Melayu adalah kerana sifat kesucian dan kesyumulan Islam itu sendiri yang penuh dengan pelbagai sumber dan prinsip bagi menjana perkembangan hidup manusia ke arah yang lebih baik. Agama Islam mempunyai ciri asas yang sangat unggul dan sangat istimewa. Keunggulan dan keistimewaan ciri tersebut, sebagaimana yang dinukil oleh Khurshid Ahmad (1981), merangkumi tujuh perkara iaitu:

- i. Cara hidup yang sempurna
- ii. Kesejagatan dan kemanusiaan
- iii. Mudah, rasional dan praktikal
- iv. Perpaduan antara kebendaan dan kerohanian
- v. Keseimbangan antara individu dan masyarakat
- vi. Mengandungi unsur tetap dan berubah
- vii. Ajaran yang terpelihara

Agama memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia di dunia. Tanpa agama, seseorang individu tidak mempunyai hala tuju yang benar dan jelas dalam menikmati kehidupan (Abdul Ghafar & Zaleha 2008). Islam juga merupakan agama yang selari dengan fitrah kejadian manusia. Dalam konteks ini, pemilihan Islam sebagai asas jati diri ini ternyata telah menguntungkan masyarakat Melayu. Ini adalah kerana semangat perpaduan dalam kalangan umat Melayu bahawa kedudukan mereka di dalam kerangka Tauhid, ummah dan ukhuwah bukan terhad kepada lingkungan kawasan dan sejarah alam Melayu semata-mata bahkan turut membabitkan kesemua umat Islam seluruh dunia dari setiap zaman dengan warisan tamadun yang tinggi (Rahimin Affandi 2000).

### **HUBUNGAN ANTARA AKIDAH, SYARIAH DAN AKHLAK DALAM MEMBENTUK JATI DIRI**

Keistimewaan dan kesempurnaan Islam ini dapat dilihat dan dikaji menerusi peraturan dan hukum-hakam yang telah diatur dan digubal oleh Allah SWT menerusi nas al-Quran dan juga nas yang diambil daripada Sunah Rasulullah saw.

Hukum-hakam yang juga dikenali sebagai hukum Syarak ini boleh diklasifikasikan kepada tiga cabang ilmu iaitu Akidah, Syariat dan Akhlak (Ahmad & Mohd Farid 2008). Penggubalan hukum-hakam ini bertujuan supaya manusia dapat menjalani kehidupan mereka dengan selesa, aman, tenteram dan teratur semasa berada di dunia yang fana' sebagai landasan menuju ke alam akhirat yang baqa' dengan harapan mendapat rahmat Allah, mendapat keredhaanNya, dan seterusnya mendapat balasan syurga.

Akidah dari aspek keislaman ialah suatu simpulan kepercayaan yang teguh di dalam hati seseorang terhadap rukun-rukun keimanan seperti yang terdapat di dalam wahyu Allah, al-Quran dan as-Sunnah tanpa sebarang keraguan. Akidah merupakan asas dan dasar dalam Islam. Ia berupa keimanan dan keyakinan seseorang muslim terhadap nilai-nilai yang murni dan mutlak terikat kukuh dalam sanubari seseorang dan tidak mungkin terurai dengan paksaan manusia, pertukaran masa dan tempat kecuali atas kehendak sendiri dan izin Allah SWT (Ahmad & Mohd Farid 2008). Nilai-nilai murni yang dimaksudkan di sini ialah keimanan dan keyakinan kepada perkara-perkara ghaib yang berpaksikan keyakinan terhadap Allah Yang Maha Esa, iaitu Esa dari sudut uluhiyyah dan rububiyah-Nya serta Esa pada Asma' wassifat. Bertitik tolak daripada keimanan inilah lahirnya keimanan kepada Malaikat, Kitab-kitab, Rasul-rasul, Hari Kiamat, Alam Barzakh, pengadilan di hari mahsyar, syurga, neraka dan qadqad dan qadar (Surah Al-Baqarah 2: 177).

Secara umumnya akidah merupakan perkara yang wajib dibenarkan oleh hati, dan jiwa menjadi tenteram terhadapnya sehingga lahirnya satu keyakinan yang kukuh tanpa digoncang atau dicampuri oleh sebarang syak dan keraguan. Dengan merujuk kepada rukun iman maka jelaslah akidah dapat membina kekuatan peribadi yang berasaskan kepada keimanan yang teguh dengan kehidupan yang baik, membersihkan jiwa dan menggerakkan jiwa kepada teladan hidup yang setinggi-tingginya (Mohd Asri et al. 2010). Akidah ialah roh dan cahaya peribadi anggota masyarakat. Adanya akidah bererti seseorang itu masih hidup, dan jika sebaliknya bererti dia telah menjadi orang yang mati. Tanpa akidah, manusia akan terperosok ke dalam lembah kesesatan. Firman Allah surah al-An'am (6: 122) yang bermaksud:

*Dan adakah orang yang mati (hatinya dengan kufur), kemudian kami hidupkan dia semula (dengan hidayah petunjuk), dan kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi (sehingga dapatlah ia membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan dapatlah) ia berjalan dengan suluhan cahaya itu dalam masyarakat manusia, (adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti*

*yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita (kufur), yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya? demikianlah (sebagaimana iman itu diperlihatkan keelokannya kepada orang-orang yang beriman), diperlihatkan pula pada pandangan orang-orang yang kafir itu akan keelokan apa yang mereka telah lakukan (dari perbuatan kufur dan segala jenis maksiat).*

Jelas menunjukkan bahawa asas kepada jati diri Muslim ialah keteguhan iman di dalam diri. Setiap Muslim perlu ada di dalam dirinya keyakinan dan kepercayaan kepada Allah sebagai Tuhan yang disembah dan berkuasa dalam menentukan segala perjalanan hidup manusia dan seluruh isi dunia ini. Keimanan dan keyakinan kepada kekuasaan perlu tersemat teguh di dalam hati dan dizahirkan melalui sifat-sifat yang membuktikan kepatuhan kepada segala suruhan dan menjauhkan apa yang dilarang (Mohd Fauzi 2002). Pendidikan akidah kepada manusia ternyata menjadi satu elemen asas terpenting bagi pembinaan jati diri seorang muslim sejati berbanding pendidikan yang lain. Penerapan dan pemantapan akidah dalam diri individu merupakan salah satu elemen penting bagi melahirkan individu yang cemerlang dan unggul dari sudut keperibadian supaya dapat memberi sumbangan dan kesinambungan pemerintahan akan datang.

Dapatlah disimpulkan bahawa, akidah dalam Islam merupakan perkara asas (usul) di mana tumbuh cabang-cabang syariat daripadanya (Ahmad & Mohd Farid 2008). Syariat pula ialah amalan-amalan yang berupa ibadat dan muamalat yang dianjurkan oleh Islam hasil daripada akidah tersebut. Syariat pula dapat didefinisikan sebagai apa sahaja sistem tentang hidup, sama ada yang dicipta oleh Allah melalui perantaraan para Nabi dan rasul-rasulNya ataupun yang diciptakan oleh manusia. Istilah syariah Islam pula mencakupi seluruh kehidupan manusia iaitu peraturan yang telah Allah cipta berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Dari segi disiplin pengajian pula, Syariah Islam boleh diklasifikasikan kepada tiga bahagian (Mahmood Zuhdi Ab Majid 1995: 3):

- a. Peraturan yang berhubung dengan kepercayaan yang bersangkutan dengan hati nurani manusia dalam hubungannya dengan penciptaNya.
- b. Peraturan yang berhubungan dengan akhlak atau perilaku seseorang manusia.
- c. Peraturan yang bersangkutan dengan tindak-tanduk lahiriah manusia yang menyentuh soal halal haram perbuatan seseorang.

Sehubungan dengan itu, syariat merupakan elemen penting yang perlu dititikberatkan bagi pembangunan fizikal, mental dan spiritual. Pembentukan akhlak akan tercetus hasil pengamalan syariat yang dilakukan oleh setiap individu. Dalam konteks Islam, akhlak merupakan salah satu elemen penting yang perlu diberi perhatian kerana berhubung kait dengan tingkah laku dan peribadi. Melalui akhlak juga, ia akan memberi kesan yang mendalam kepada seseorang di mana ia dapat mewarnai seluruh kehidupan sama ada dari segi fizikal dan rohani sejajar dengan apa yang telah ditetapkan oleh Islam. Apabila perlakuan seseorang yang tidak diasaskan dengan asas yang kukuh, maka tahap pendirian juga mudah goyah dan tidak tetap, lantas mudah untuk dipengaruhi oleh anasir negatif. Sememangnya akhlak sangat bertepatan dengan fitrah kejadian manusia yang lebih cenderung untuk melakukan perkara kebaikan dan benci untuk melakukan perkara-perkara buruk (Abdul Ghafar dan Zaleha 2008)

Menurut Za'ba (2005), penguatan akidah atau kekuatan dan kelemahan jati diri orang Islam bukan suatu yang diwarisi atau diperoleh melalui keturunan, doa orang lain atau syafaat ulama tertentu. Penguatan akidah dan kemantapan jati diri muslim datang melalui usaha sendiri menerusi ilmu pengetahuan dan latihan berfikir berasaskan pemerhatian jujur kepada al-Quran dan Hadis-hadis Nabi. Manusia akan dipertanggungjawabkan dengan perkara-perkara yang manusia imani dan manusia tidak akan dapat sesuatu pun melainkan daripada apa yang dia usahakan sendiri. Iman mesti diusahakan dan disertai dengan keyakinan dan pembenaran yang bersungguh-sungguh dalam hati dan dibuktikan pula dengan amalan yang berterusan sehingga boleh menghasilkan akhlak dan jati diri yang kuat, baik dan sempurna.

Muhammad Ali Al-Hasyimi (1999) berpendapat manusia itu amat memerlukan agama. Dalam erti kata yang lain, manusia memerlukan pendidikan Islam dan bimbingan akhlak supaya mereka dapat menanamkan kemanusiaannya serta memainkan peranan mereka selaku khalifah di muka bumi ini. Seandainya tanpa pendidikan dan bimbingan akhlak ini nescaya sikap tidak peduli terhadap orang lain, kedengkian, iri hati, kezaliman dan sikap-sikap tercela yang lain akan mendominasi di dalam diri manusia tersebut. Sudah menjadi lumrah bahawa kemajuan membawa kebaikan dan juga perkara-perkara yang tidak dihajati oleh kemajuan. Gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, pembuangan bayi, ponteng sekolah dan seumpamanya mendesak agar kita mencari penyelesaian bagi membendung masalah ini. Bangsa Melayu memang terkenal sebagai bangsa yang bersopan-santun, lemah-lembut, menghormati orang tua, undang-undang dan seumpamanya. Oleh itu, akhlak yang terbit dari acuan akidah dan pengamalan yang dilakukan menerusi syariat adalah amat penting bagi membentuk jati diri yang utuh dan tekal dalam jiwa masyarakat Melayu.

Jelaslah di sini bahawa Islam merupakan jati diri masyarakat Melayu yang unggul, ini adalah kerana fitrah manusia itu kembali kepada agama dalam menjalani hidupnya. Agama Islam yang merupakan sumber yang sentiasa menganjurkan kepada kebaikan, kemuliaan serta hal-hal yang terkandung dalam prinsip-prinsip dasar pendidikan dan akhlak dalam kehidupan ini. Secara kesimpulannya, Allah SWT tidak menurunkan Islam hanya sebagai teori yang hanya dinikmati akal sahaja, tidak juga sebagai kalam suci yang dijadikan manusia sebagai alat untuk mencari berkat dengan cara membacanya tanpa harus memahami petunjuk dan maknanya. Akan tetapi Dia menurunkan agama tersebut dengan panduan yang dapat mengatur kehidupan individu, keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya. Sebagaimana Allah SWT berfirman (al-Maidah 16: 15-16) yang bermaksud:

*Wahai ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Kami (Muhammad saw) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan-keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan dari Kitab suci, dan ia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkara (yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah Kitab (al-Quran) yang jelas nyata keterangannya. 16. Dengan (al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredhaanNya, dan (dengannya) Tuhan keluaran mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinNya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.*

## **PEMBENTUKAN JATI DIRI MELAYU YANG DINAMIK**

Masyarakat bertamadun lebih menjurus kepada masyarakat yang menjalani kehidupan yang berpaksikan dasar-dasar Islam secara menyeluruh termasuk sistem sosial, ekonomi dan politik. Dalam konteks ini, masyarakat bertamadun boleh diklasifikasikan sebagai masyarakat yang mempunyai identiti tersendiri berpandukan ajaran Islam. Dengan kata lain, masyarakat yang mempunyai jati diri yang kukuh berlandaskan ajaran Islam. Ini dapat diperkukuhkan melalui firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2: 208) yang bermaksud:

*Wahai orang-orang yang beriman! masuklah kamu ke dalam ugama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; Sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.*



Kekuatan jati diri masyarakat Melayu bergantung pada kekuatan akidah dan sejauh mana individu tersebut berfikir dan beramal dengan akidah dan keimanannya terutama mengenai perkara-perkara asasi tentang ketuhanan, alam, kehidupan dan manusia (Ahmad Munawar & Zakaria 2011). Dalam hal ini, Sayid Sabiq (2006) menyatakan terdapat tujuh kekuatan utama yang perlu dikuasai oleh setiap individu muslim bagi membina semula jati diri muslim yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah iaitu (Abu Bakar 1976):

- i. Kekuatan jihad, iaitu membela dan mempertahankan hak untuk memperoleh kehidupan yang baik, mulia dan merdeka.
- ii. Kekuatan aqidah, iaitu kepercayaan yang sehati dan keyakinan yang tanpa syak dan ragu terhadap zat dan sifat yang dimiliki menyebabkan tidak ada manusia lain mampu mempengaruhi kepercayaan dan keyakinan berkenaan, kerana zat dan sifat yang wujud itu adalah di bawah penguasaan dan lingkungan ilmu serta pengetahuan manusia yang sangat jelas sehingga dapat melahirkan hati, fikiran dan pemikiran serta tingkah laku yang baik.
- iii. Kekuatan ilmu pengetahuan kerana daripada perspektif Islam, ilmu pengetahuan adalah semua jenis ilmu pengetahuan yang boleh mendorong manusia mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Pengetahuan adalah satu alat yang unik, yang boleh mendorong dan membimbing pemiliknya untuk mengenal dan memperhambakan diri semata-mata kerana Allah SWT. Ia suatu yang suci dan bernilai dalam kehidupan seseorang muslim. Mereka yang berilmu pengetahuan diberi kedudukan yang paling tinggi di sisi Allah dan para malaikat dan kedudukan istimewa selepas para nabi sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah, ayat 11, yang bermaksud, “Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan beberapa darjah”. Ayat tersebut merupakan tonggak peribadi muslim. Kerana ilmu membentuk diri seseorang itu untuk mengenali Allah SWT atau tidak.
- iv. Kekuatan akhlak dan jati diri kerana akhlak adalah simbol kepada kemantapan akidah. Akidah dan akhlak adalah suatu yang bersepadu. Proses pembentukan akhlak manusia yang sempurna bergantung pada proses pembentukan akidah yang sempurna. Akidah yang kuat akan memelihara manusia daripada segala bentuk musibah di dunia dan di akhirat.
- v. Kekuatan ikatan kemasyarakatan, sentiasa berusaha dan konsisten dalam membantu masyarakat menegakkan dasar-dasar kemerdekaan dan keadilan mengikut syariat Islam. Semua ini bertujuan untuk mencapai kebahagiaan seluruh umat manusia.

- vi. Kekuatan perdamaian, iaitu berusaha bersama melaksanakan dan memastikan aspek-aspek perpaduan yang berteraskan hormat-menghormati antara satu sama lain dilaksana dan dilihat dilaksanakan.
- vii. Kekuatan ekonomi, iaitu secara konsisten mencari kekayaan dan memperolehnya dengan memanfaatkan sumber alam dan kekayaan bumi dengan cara yang berasaskan syariat untuk digunakan secara adil dan bijaksana.

## **KESIMPULAN**

Dapatlah disimpulkan bahawa bangsa Melayu adalah bangsa yang amat rapat dengan Islam dan Islamlah yang menjadi ciri kekuatannya. Cubaan untuk menguatkan orang Melayu dengan unsur-unsur lain selain Islam hanya akan melemahkan orang Melayu. Bangsa Melayu juga adalah bangsa yang tidak mudah untuk mengalah demi mempertahankan keislamannya. Usaha untuk meneguhkan jati diri dan mempertahankan Islam ini telah dilakukan melalui wasilah yang pelbagai. Kepelbagaian wasilah ini telah dimainkan oleh bukan hanya satu lapisan masyarakat sahaja malah perlu bergandingan agar semangat keperwiraan ini akan dapat diwarisi oleh generasi Melayu Muslim di zaman ini.

Untuk itu, asas pembinaan jati diri perlu jelas dan bertolak dari sumber yang mantap. Kefahaman masyarakat perlu dijana dengan asas kefahaman Islam yang sebenar di samping membudayakan sikap berlapang dada dalam menerima pandangan sama ada yang memihak mahupun yang agak kritikal. Pada waktu yang sama cabaran-cabaran yang bersifat semasa seperti gejala sosial, tahap kefahaman dan penghayatan Islam masyarakat, budaya yang bercanggah dengan Islam dan tahap pembacaan bahan-bahan bermutu dalam kalangan masyarakat perlu ditangani secara berhikmah dan memerlukan komitmen yang tinggi dari semua pihak.

Asasnya, pelaksanaan sempurna terhadap proses *tazkiyat al-nafs* (pembersihan jiwa), boleh melahirkan manusia yang cukup kental pegangan akidah dan keimanannya. Daripada keimanan yang teguh akan melahirkan manusia yang tahan uji dan berakhlak mulia. Ini kerana sesungguhnya perlakuan akhlak yang terpampang di permukaan diri seseorang adalah manifestasi atau terjemahan keimanan atau akidah yang terpahat kemas dalam diri individu yang berkenaan. Kesimpulannya, agama Islam adalah agama yang cukup lengkap dalam semua aspek kehidupan. Ia adalah agama yang mengatur cara hidup manusia di dunia ini agar sentiasa harmoni bukan sahaja di dunia tetapi di akhirat kelak. Sesungguhnya, sistem hidup Islam mendorong ke arah kehidupan yang selamat dan sejahtera.

**Nota:**

Semua terjemahan al-Quran dalam artikel ini adalah berdasarkan terjemahan al-Quran Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran, Abdullah Basmeih. 2001. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

**RUJUKAN**

Al-Quran.

Abdul Ghafar Don dan Zaleha Mohd Ali. 2008. *Dakwah dan cabaran de-Islamisasi di Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Ahmad Mohd Salleh dan Mohd Farid Hafidz Ahmad. 2008. *Islam Agama Rabbani: Dasar Pendidikan Islam Teras untuk KPLI & PPISMP*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Ahmad Munawar Ismail dan Zakaria Stapa. 2011. *Pemikiran Asha'irah dalam akidah Islam, hubungannya dalam membentuk dinamika jati diri muslim*. Dlm. Prosiding Seminar Serantau Pengajian Usuluddin. Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Abu Bakar, H. 1976. *Syarah falsafah Islam*. Kelantan : Pustaka Aman Sdn. Bhd.

Jaffary Awang. 2009. *Pendekatan Islam Hadhari ke arah memperkasakan identiti Melayu-Muslim di Malaysia*. Jurnal Islam Hadhari. Bil 1. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khurshid Ahmad. 1981. *Islam: Prinsip dasar dan kerakteristiknya*. Bandung: Perpustakaan Salman ITB. Hlm. 8-19.

Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid. 1995. Pengajian Syariah: Satu pentakrifan. Prosiding Seminar Pengajian Syariah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohd Asri et al. 2010. *Prinsip-prinsip asas Islam: Islam dan Akidah*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.

Mohd Fauzi Hamad. 2002. *Peranan akidah dalam perancangan pembangunan ummah: satu analisis dalam konteks masyarakat kini*. Jurnal Usuluddin. Bil 16. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

- Muhammad Ali Al-Hasyimi. 1999. *Jati diri Muslim*. Penterj, M. Abdul Ghoffar E.M. Jakarta: Pustaka Al-Khausar.
- Muhammad Fauzi Asmuni. 2011. *Perjuangan dbangsa Melayu dalam mempertahankan jati iri dan agama Islam*. Dlm Konvensyen Memperingati Kejatuhan Empayar Melayu Islam Melaka. Melaka: Universiti Teknikal Malaysia.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1992. *Pensejarahan Melayu: kajian terhadap tradisi sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2005. *Citra Islam dalam pembentukan manusia melayu moden di Malaysia: satu analisa*. Dlm. Jurnal Pengajian Melayu. Jil 15. Penerbit: Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2000. *Kebudayaan Melayu dan Islam Di Nusantara: Satu Analisa Pengkaedahan*. Dlm. Seminar Hukum Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2000. Anjuran Jabatan Fiqh dan Usul. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1972. *Islam dalam sejarah kebudayaan Melayu: suatu mukaddimah mengenai peranan Islam dalam peradaban sejarah Melayu-Indonesia dan kesannya dalam sejarah pemikiran, bahasa dan kesusasteraan Melayu*. Penerbit. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Za'aba, Zainal Abidin Ahmad. 2005. *Perangai bergantung pada diri sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling. 2005. *Islam di Malaysia*. Gapeniaga Sdn Bhd. Kuala Lumpur.